

**Putrajaya nafi laporan RSF, dakwa media Malaysia bebas bawah Najib
Malaysian Insider
Feb 12, 2014
OLEH MD IZWAN**

Putrajaya hari ini menyangkal dakwaan kebebasan akhbar di Malaysia merosot susulan kejatuhan kedudukan negara dalam Indeks Kebebasan Akhbar 2014 yang dikeluarkan Wartawan Tanpa Sempadan (RSF).

Laporan RSF yang dikeluarkan di Perancis semalam, menyaksikan Malaysia merosot dua anak tangga ke-147 daripada 180 negara yang disenaraikan.

"Atas talian dan cetak, media di Malaysia lebih jauh bebas berbanding sebelumnya," kata jurucakap Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan hari ini.

Jurucakap Putrajaya juga berkata, kebebasan media di Malaysia terserlah dengan laman portal berita dan blog politik bebas menulis tanpa sebarang sekatan.

"Malaysia menikmati media atas talian yang terbuka dan bertenaga.

"Sesiapa yang melawat portal berita Malaysia atau blog politik boleh melihat dengan sendiri betapa bebasnya media atas talian," katanya.

Putrajaya juga menafikan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak menyekat kebebasan media cetak kerana sengaja menyukarkan pembaharuan lesen kepada pihak penerbitan.

"Malah, dibawah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, undang-undang lesen media cetak juga dilonggarkan.

"Keperluan untuk membaharui lesen cetak setiap tahun dimansuhkan dan kebenaran Kementerian Dalam Negeri untuk menghalang, membenarkan atau menarik balik lesen juga dibuka untuk

semakan kehakiman," katanya.

Kedudukan terbaru meletakkan Malaysia di bawah negara lain yang kurang membangun seperti Bangladesh (146), Myanmar (145) dan Cambodia (144).

Pada 2013, Malaysia sudah pun jatuh ke kedudukan tercorot, iaitu di tangga ke-145 daripada 179 buah negara dalam Indeks Kebebasan Media 2013 – pencapaian terburuk sejak indeks tahunan RSF diperkenalkan pada 2002.

Malaysia terjunam 23 anak tangga pada 2013 memandangkan negara ini diletakkan di tangga ke-122 pada 2011/2012 untuk Indeks Kebebasan Media.

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media 2014 mungkin di bawah Filipina dan Singapura jika diambil kira tindakan terbaru kerajaan menekan kebebasan media, iaitu pembatalan permit penerbitan FZ Daily, hanya beberapa jam selepas penerbit The Edge Communications Sdn Bhd diberikan izin oleh mahkamah untuk memulakan prosiding terhadap Kementerian Dalam Negeri yang menangguhkan pemberian permit kepada FZ Daily.

Pada 2006, kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media agak baik, iaitu di tangga ke-92. – 12 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putrajaya-nafi-laporan-rsf-dakwa-media-malaysia-bebas-bawah-najib>